

SULIT



UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER I
SESI 2019/2020**

NAMA KURSUS : PENGURUSAN PENDIDIKAN
KOD KURSUS : BBD 20603
KOD PROGRAM : BBB/BBC/BBE/BBF/BBG
TARIKH PEPERIKSAAN : DISEMBER 2019/JANUARI 2020
JANGKA MASA : 2 JAM 30 MINIT
ARAHAN : JAWAB **SEMUA** SOALAN
BAHAGIAN A DAN B

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI LIMA BELAS (15) MUKA SURAT

TERBUKA

SULIT

BAHAGIAN A

- S1** Pengetua sekolah menanyakan guru sama ada pelajar-pelajarnya telah bersedia menghadapi peperiksaan merupakan aktiviti pengurusan
- A. menyaingi
 - B. meneroka
 - C. menguasai
 - D. mengawal
- S2** Manakah paling tepat menerangkan tujuan perancangan kontigensi?
- A. Menukar perancangan kepada tindakan
 - B. Persediaan untuk mencegah kegagalan sesuatu perancangan
 - C. Membuat penyelarasan untuk meningkatkan keberkesanan kerja
 - D. Membuat penambahbaikan dalam sesuatu perancangan kerja
- S3** Wadah utama isi pelajaran kepada sistem pendidikan di Malaysia ialah
- A. pengetahuan mengenai sains dan teknologi
 - B. nilai-nilai murni masyarakat berbilang kaum
 - C. pengurusan pendidikan yang efisien
 - D. pembelajaran sepanjang hayat
- S4** Henry Fayol (1841-1925) telah membahagikan fungsi-fungsi pengurusan kepada beberapa elemen kecuali
- A. perancangan
 - B. pengawalan
 - C. penyusunan
 - D. pengubahsuaian
- S5** Antara berikut, manakah paling tepat menerangkan peranan penyelia dalam sesebuah organisasi pendidikan?
- A. Menguruskan jadual kerja
 - B. Membangunkan kumpulan kerja
 - C. Memilih dan melatih pekerja dalam melaksanakan tugas
 - D. Mendorong dan menyelaraskan guru dalam hal pengajaran
- S6** Dalam konteks masalah disiplin pelajar, mengapakah kemahiran penyelesaian masalah penting kepada seorang guru disiplin?
- A. Membolehkan guru disiplin menghukum pelajar
 - B. Membolehkan guru disiplin disegani oleh guru-guru
 - C. Membolehkan guru disiplin untuk terus kekal berkuasa
 - D. Membolehkan guru disiplin mencegah masalah daripada berleluasa

TERBUKA

- S7 mengusulkan supaya sekolah rendah vernakular digantikan dengan sekolah kebangsaan.
- A. Penyata Cheeseman
 - B. Laporan Barnes
 - C. Laporan Fenn-Wu
 - D. Ordinan Pelajaran
- S8 Pendidikan awam dan swasta mempunyai peranan yang sama dalam konteks pendidikan kecuali
- A. membuka peluang pendidikan kepada semua warga
 - B. konsep berasaskan keuntungan kepada institusi
 - C. melahirkan warganegara yang bersatu padu
 - D. melahirkan graduan yang berkualiti
- S9 Konsep organisasi dalam bidang pendidikan penting untuk melahirkan pelajar seperti berikut kecuali
- A. beretika
 - B. berdisiplin
 - C. berilmu
 - D. bersahsiah
- S10 Apakah contoh paling tepat bagi komunikasi intrapersonal?
- A. Bermanolog
 - B. Pengucapan awam
 - C. Memuat naik status pada *facebook*
 - D. Membuat panggilan telefon
- S11 “Saudara, apa yang sebenarnya saudara inginkan daripada saya?” Apakah keindahan komunikasi yang boleh dipelajari daripada petikan ini?
- A. Bercakap dengan mimik muka yang sesuai
 - B. Saling menghormati ketika berkata-kata
 - C. Menggunakan intonasi suara ketika berkata-kata
 - D. Berhati-hati ketika bercakap dengan orang yang tidak dikenali
- S12 Apakah definisi penyeliaan dari kaca mata seorang pengetua?
- A. Mengurus segala urusan berkaitan pentadbiran sekolah termasuk aktiviti merancang, menganalisis, memimpin, mengawal dan menilai.
 - B. Seseorang yang mengagih-agihkan input organisasi dalam pelbagai sumber dengan cara perancangan, pengorganisasian, pengarahan dan pengawalan.
 - C. Seseorang yang mempunyai kuasa, tanggungjawab merancang, mengelola dan mengawal tugas pekerjaannya.
 - D. Menyelaras dan memantau prestasi pelaksanaan arahan-arahan pengurusan bagi memastikan sekolah berfungsi dengan baik

TERBUKA

- S13** “Laporan ini telah termaktub dalam Akta Pelajaran 1961. Laporan ini menyatakan bahawa sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan diwujudkan untuk memupuk semangat kebangsaan dan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia.” Manakah antara berikut boleh dikaitkan dengan pernyataan di atas?
- A. Penyata Cheeseman
 - B. Penyata Barnes
 - C. Penyata Rahman Talib
 - D. Penyata Razak
- S14** Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) dilaksanakan untuk mentransformasikan pendidikan supaya dapat menghadapi cabaran baharu. Antaranya ialah mewujudkan 6 aspirasi pelajar dengan memberi penekanan keseimbangan antara ilmu dan akhlak. Berikut ialah aspirasi pelajar tersebut kecuali
- A. identiti nasional
 - B. perpaduan
 - C. etika dan kerohanian
 - D. kemahiran memimpin
- S15** Contoh kesamarataan dalam pengurusan pendidikan ialah
- A. beban tugas mengajar semua guru adalah sama
 - B. jumlah jam bekerja semua guru adalah sama
 - C. beban tugas mengurus semua guru adalah sama
 - D. jumlah hari cuti rehat semua guru adalah sama
- S16** Kemahiran mengurus di peringkat mengawal selia pelaksanaan sesuatu projek yang paling penting dikuasai oleh pengurus pendidikan ialah
- A. kemahiran memahami sejarah dan latar belakang projek
 - B. kemahiran mengaplikasi teori dan konsep pengurusan
 - C. kemahiran menyelesaikan masalah dan membuat keputusan
 - D. kemahiran memilih sumber yang berguna dan berimpak
- S17** Dalam konteks pengurusan sesebuah institusi pendidikan, seseorang pemimpin tertinggi organisasi tersebut memainkan peranan yang penting kecuali
- A. peneraju sekolah
 - B. pendorong guru
 - C. penetap kurikulum
 - D. pembimbing kakitangan
- S18** Antara berikut, manakah bukan pergaulan dengan ahli organisasi yang baik?
- A. Mempamerkan penampilan diri yang baik
 - B. Memberi kepercayaan kepada ahli organisasi
 - C. Mempunyai keyakinan diri apabila dilantik memegang jawatan
 - D. Kebebasan ahli organisasi untuk mendapatkan kuasa

- S19** Rasional khidmat masyarakat sebagai aktiviti pengurusan pendidikan ialah
- A. peluang pelajar untuk mengaplikasi nilai-nilai murni
 - B. peluang staf mengenali ahli masyarakat sekeliling
 - C. peluang institusi pendidikan mendapat bantuan
 - D. peluang masyarakat mendampingi institusi pendidikan
- S20** Perancangan kerja organisasi sesebuah kolej vokasional di Malaysia adalah ditentukan oleh
- A. pengarah kolej vokasional tersebut
 - B. Jabatan Pembangunan Kemahiran
 - C. Kementerian Pendidikan Malaysia
 - D. strategi pengurusan kolej vokasional tersebut
- S21** Sumber yang tidak diurus dalam pengurusan pendidikan ialah
- A. guru
 - B. murid
 - C. bekalan air
 - D. pekerja awam
- S22** Perintah-perintah AM kerajaan, Bab C menumpukan perkara-perkara berikut iaitu
- A. hal ehwal cuti dan cuti ganti
 - B. hal ehwal kelakuan dan tatatertib
 - C. hal ehwal elaun dan honorarium
 - D. hal ehwal waktu kerja dan kerja lebih masa
- S23** Sekolah vernakular Tamil di Tanah Melayu pada zaman pemerintahan British kebanyakannya dibina oleh
- A. Masyarakat India di Tanah Melayu
 - B. Majikan kepada pekerja-pekerja masyarakat India
 - C. Pendakwah Islam
 - D. Masyarakat India dari negara India
- S24** Seorang guru yang ingkar arahan ketua akan berhadapan dengan hukuman tatatertib mengikut turutan. Manakah antara berikut merupakan turutan yang betul?
- A. Memberi amaran, mengenakan denda, melucutkan hak emolumen
 - B. Memberi amaran, mengenakan denda, melucutkan hak emolumen
 - C. Melucutkan hak emolumen, mengenakan denda, menurunkan pangkat
 - D. Melucutkan hak emolumen, mengenakan denda, menurunkan gaji
- S25** Apakah faktor utama yang mempengaruhi perubahan tingkah laku politik dalam sesebuah organisasi?
- A. Faktor keluarga
 - B. Faktor organisasi
 - C. Faktor kewangan
 - D. Faktor persekitaran

TERBUKA

- S26** Berat sebelah atau penilaian tidak adil dapat dikurangkan dalam pentaksiran dengan kaedah berikut kecuali
- A. memberikan latihan
 - B. memberi dan menerima maklum balas
 - C. menentukan giliran pentaksiran
 - D. pemilihan kaedah pentaksiran yang tepat
- S27** Mengapakah politik organisasi diperlukan dalam sesebuah organisasi?
- A. Bertujuan untuk memuaskan kepentingan diri ahli organisasi
 - B. Bertujuan mengubah bentuk arahan dalam kalangan ahli organisasi
 - C. Bertujuan membolehkan politik memberi pengaruh membuat keputusan
 - D. Bertujuan untuk menyelesaikan konflik organisasi
- S28** Mengapakah *self-appraisal* penting sebagai penilaian masa hadapan?
- A. Bagi memberi peluang pekerja untuk tidak terlibat dengan tugas-tugas di luar skop kerja
 - B. Bagi memberi peluang pekerja meningkatkan persaingan diri dengan rakan sejawat yang lain
 - C. Bagi memberi peluang pekerja mempamerkan sumbangan-sumbangan terhadap organisasi
 - D. Bagi memberi peluang pekerja membuktikan kesilapan terdahulu tidak tepat
- S29** Antara berikut, manakah merupakan kaedah terbaik untuk memotivasikan pekerja abad ke-21?
- A. Mengubah landskap pejabat seminggu sekali
 - B. Menetapkan petunjuk prestasi mengikut kemampuan individu
 - C. Menetapkan mata merit dan demerit kepada pencapaian individu
 - D. Menggunakan konsep perkongsian keuntungan organisasi
- S30** “Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia merupakan kesinambungan dari segi matlamat, aspirasi dan penyampaian pendidikan dari peringkat prasekolah hingga ke peringkat pendidikan tinggi dan seterusnya”.
Antara berikut, manakah bukan merupakan aspirasi sistem pendidikan Malaysia seperti termaktub dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia?
- I Perpaduan
 - II Kecekapan
 - III Dwibahasa
 - IV Pengetahuan
- A. I sahaja
 - B. I dan II sahaja
 - C. II dan III sahaja
 - D. III dan IV sahaja

TERBUKA

- S31** Berikut merupakan cara pendidikan awam di Malaysia diuruskan dari aspek kurikulum.
- I Perancangan
 - II Latihan
 - III Penilaian
 - IV Pembelajaran
- A. I dan II sahaja
B. II dan III sahaja
C. I, II dan III sahaja
D. I, II, III dan IV
- S32** Antara yang berikut, manakah bukan merupakan peranan Institut Aminuddin Baki?
- I Membina dan membangunkan profesionalisme dalam kepemimpinan dan pengurusan pendidikan yang akan membantu membangunkan sistem pendidikan kebangsaan
 - II Membina dan membangunkan sistem pentadbiran pendidikan dan disiplin pendidik supaya berjaya menjadi sistem yang maju pada masa akan datang
 - III Membina dan membangunkan modal insan yang utuh dari segi emosi, akhlak, dan moraliti dalam mengharungi ranjau serta liku dalam pembelajaran
 - IV Membina dan menjadikan sistem pentadbiran pendidikan menjadi tersusun dengan sistematik
- A. I dan II sahaja
B. II dan III sahaja
C. I, III dan IV sahaja
D. II, III dan IV sahaja
- S33** Antara berikut, yang manakah merupakan peranan pendidikan swasta di Malaysia?
- I Memberi peluang pendidikan yang lebih luas
 - II Memperkasakan Bahasa Melayu
 - III Membantu negara ke arah perindustrian maju
 - IV Menyediakan sistem pengurusan pendidikan yang seragam
- A. I dan II sahaja
B. I dan III sahaja
C. II dan IV sahaja
D. III dan IV sahaja

TERBUKA

- S34** Antara berikut, manakah merupakan kandungan Laporan Cheeseman?
- I. Pendidikan peringkat menengah secara percuma dalam semua bahasa pengantar
 - II. Bahasa Inggeris merupakan mata pelajaran wajib di semua sekolah vernakular
 - III. Bahasa Melayu merupakan mata pelajaran wajib di semua sekolah
 - IV. Pendidikan peringkat menengah menggunakan bahasa Inggeris, bahasa Melayu, bahasa Cina dan bahasa Tamil sebagai bahasa pengantar
- A. I dan II sahaja
 - B. II dan III sahaja
 - C. I, II dan III sahaja
 - D. I, II dan IV sahaja
- S35** Antara berikut, manakah bukan tujuan Penyata Razak?
- I. Menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa perpaduan dan bahasa pengantar di sekolah
 - II. Mengeratkan perpaduan antara kaum di Tanah Melayu dengan mewujudkan sekolah wawasan
 - III. Mewujudkan masyarakat yang bertoleransi, berdisiplin, terlatih, liberal dan progresif
 - IV. Meningkatkan ekonomi masyarakat Melayu di Tanah Melayu dengan memberi pelbagai bantuan
- A. I dan II sahaja
 - B. I dan III sahaja
 - C. II dan IV sahaja
 - D. III dan IV sahaja
- S36** Institusi Aminuddin Baki (IAB) memainkan peranan penting dalam melatih bakal pemimpin sekolah. Antara berikut, manakah merupakan fungsi IAB?
- I. Penilaian
 - II. Penerbitan
 - III. Penyelidikan
 - IV. Latihan
- A. I, II dan III sahaja
 - B. I, II dan IV sahaja
 - C. I, III dan IIV sahaja
 - D. II, III dan IV sahaja

TERBUKA

- S37** Berikut merupakan strategi yang dapat merealisasikan konsep budaya kerja cemerlang dalam proses pengurusan sekolah iaitu
- I setiap kakitangan harus dilengkapkan dengan kesedaran, komitmen dan motivasi terhadap kecemerlangan
 - II bengkel-bengkel dan latihan diberikan di peringkat pertengahan dan bawahan
 - III setiap kakitangan perlu dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran dalam melaksanakan tugas dengan cemerlang
 - IV ganjaran atau anugerah perlu disediakan bagi mendorong kakitangan untuk lebih cemerlang
- A. I sahaja
B. I, II dan III sahaja
C. I, III dan IV sahaja
D. I, II, III dan IV
- S38** Antara berikut, manakah halangan yang biasa dihadapi oleh pembuat keputusan dalam sesebuah organisasi?
- I. Peraturan organisasi
 - II. Akauntabiliti pekerja
 - III. Berkongsi kepimpinan
 - IV. Persaingan
- A. I dan II sahaja
B. II dan IV sahaja
C. I, II dan III sahaja
D. I, II, III dan IV
- S39** Antara berikut, manakah merupakan masalah-masalah yang wujud dalam proses penilaian prestasi?
- I. Wujud prasangka
 - II. Kecenderungan memusat
 - III. Penurunan pangkat
 - IV. Kesilapan lampau
- A. I dan III sahaja
B. I, III dan IV sahaja
C. I, II dan IV sahaja
D. I, II, III dan IV

TERBUKA

- S40** Pengurus dan pemimpin institusi pendidikan mestilah mempunyai sahsiah dan akhlak yang baik dengan penerapan nilai-nilai murni untuk membentuk masyarakat yang berakhlak. Hal ini sejajar dengan usaha kerajaan memperkenalkan pelbagai dasar untuk mencapai hasrat tersebut. Antara berikut, manakah merupakan dasar utama kerajaan tersebut?
- I. Dasar Kepimpinan Melalui Teladan
 - II. Dasar Ekonomi Baru
 - III. Dasar Bersih, Cekap dan Amanah
 - IV. Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam
- A. I, II dan III sahaja
B. I, III dan IV sahaja
C. I, II dan IV sahaja
D. II, III dan IV sahaja
- S41** Antara berikut, manakah merupakan stail pemimpin dan pengurus wawasan pendidikan mengikut acuan Malaysia?
- I. Keberanian
 - II. Berakhlak
 - III. Tegas
 - IV. Imaginatif
- A. I dan II sahaja
B. I, II dan IV sahaja
C. II, III dan IV sahaja
D. I, II, III dan IV
- S42** Berikut merupakan perkhidmatan penyayang Kementerian Pendidikan Malaysia kepada guru di Malaysia.
- I. Elaun Perumahan
 - II. Elaun Khidmat Awam
 - III. Bayaran Insentif Pedalaman
 - IV. Cuti Rehat Khas
- A. I, II dan III sahaja
B. I, II dan IV sahaja
C. II, III dan IV sahaja
D. I, II, III dan IV

TERBUKA

- S43** Konsep pelaksanaan sekolah penyayang memberi tanggapan bahawa semua pelajar
- I. boleh capai kecemerlangan
 - II. boleh dididik
 - III. pandai
 - IV. cerdas
- A. I, II dan III sahaja
B. I, II dan IV sahaja
C. II, III dan IV sahaja
D. I, II, III dan IV
- S44** Standard Kompetensi Keperolehan Sekolah Malaysia (SKKSM) digubal berteraskan kepada
- I. Rukun Negara
 - II. Wawasan 2020
 - III. Dasar Pendidikan Kebangsaan
 - IV. Falsafah Pendidikan Kebangsaan
- A. I, II dan III sahaja
B. I, II dan IV sahaja
C. II, III dan IV sahaja
D. I, II, III dan IV
- S45** Gejala buli dalam kalangan murid sekolah merupakan salah laku disiplin yang perlu dilihat secara serius oleh semua pihak. Antara berikut, pendekatan manakah dalam wawasan pendidikan yang sesuai diaplikasikan untuk mencegah dan memulihkan gejala tersebut?
- I. Sekolah penyayang
 - II. Budaya ilmu
 - III. Pengupayaan
 - IV. Budaya cemerlang
- A. I dan II sahaja
B. I dan III sahaja
C. II dan IV sahaja
D. III dan IV sahaja

TERBUKA

- S46** Antara berikut, manakah benar tentang pengurusan kurikulum di sekolah?
- I. Melibatkan tanggungjawab pemimpin tertinggi sekolah berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran
 - II. Membina perkembangan murid yang lengkap daripada segi jasmani, emosi, rohani dan intelek serta menyemai nilai-nilai murni
 - III. Mengandungi segala rancangan yang dikendalikan oleh sesebuah sekolah ataupun institusi pendidikan bagi mencapai matlamat pendidikan
 - IV. Pemimpin tertinggi sekolah mempengerusikan mesyuarat panitia sesuatu mata pelajaran di peringkat sekolah
- A. I, II dan III sahaja
 - B. I, II dan IV sahaja
 - C. II, III dan IV sahaja
 - D. I, II, III dan IV
- S47** Berdasarkan Peraturan-peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997, kegiatan kokurikulum ialah apa-apa kegiatan yang dirancang lanjutan daripada proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah yang memberikan murid peluang untuk menambah, mengukuh dan mengamalkan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang dipelajari di bilik darjah (Lembaga Penyelidikan Undang-undang 2003). Antara berikut, manakah tujuan utama kokurikulum diwujudkan?
- I. Mengukuh dan mengayakan perkara yang dipelajari dalam bilik darjah dan meluaskan pengalaman murid dalam bidang tertentu
 - II. Membentuk sahsiah dan membina konsep sendiri dan peningkatan disiplin dalam kalangan murid
 - III. Meningkatkan tahap kesihatan, kesejahteraan diri, kecergasan fizikal, menyemai nilai murni dan membentuk insan berakhlak
 - IV. Menggunakan masa lapang yang berfaedah dan bermakna dan memupuk sikap positif, selaras dengan hasrat Rukun Negara
- A. I, II dan III sahaja
 - B. I, II dan IV sahaja
 - C. II, III dan IV sahaja
 - D. I, II, III dan IV
- S48** Antara berikut, manakah pihak yang memainkan peranan dalam sistem pentadbiran pendidikan awam terhadap pengajaran dan pembelajaran di sekolah.
- I Kementerian Pendidikan Malaysia
 - II Pejabat pendidikan daerah
 - III Pengetua
 - IV Komuniti setempat
- A. I dan II sahaja
 - B. II dan III sahaja
 - C. I, II dan III sahaja
 - D. I, II dan IV sahaja

TERBUKA

- S49** Antara akta-akta yang terlibat secara langsung bertujuan mengawasi penubuhan dan operasi serta menjalankan pemantauan untuk memastikan kecemerlangan dan kualiti pendidikan di setiap institusi oleh Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Jabatan Pendidikan Swasta ialah
- I Akta Pendidikan 1996
 - II Akta Majlis Pendidikan Tinggi Negara 1996
 - III Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996
 - IV Akta Universiti Teknologi MARA 1976 (Akta 173)
- A. I dan II sahaja
 - B. I, II dan III sahaja
 - C. II, III dan IV sahaja
 - D. I, II, III dan IV
- S50** Antara tugas dan tanggungjawab guru besar atau pengetua dalam pengurusan dan pentadbiran pejabat (Bahagian Sekolah 2004) termasuklah
- I. memastikan rekod guru, staf sokongan dan murid diselenggara secara sistematik, dan disimpan di tempat yang selamat
 - II. menentukan urusan surat menyurat dilaksanakan dengan cekap dan sistematik
 - III. mengurus fail pejabat secara sistematik, terkini, mudah dikesan dan disimpan di tempat yang selamat untuk urusan penambahbaikan
 - IV. memastikan buku maklumat aktiviti persekolahan disediakan dengan lengkap di awal tahun dan sentiasa dikemas kini
- A. I, II dan III sahaja
 - B. I, II dan IV sahaja
 - C. II, III dan IV sahaja
 - D. I, II, III dan IV
- S51** Aspek pengurusan dan kepimpinan menjadi kritikal kerana institusi pendidikan adalah sebuah institusi sosial.
- A. Ya
 - B. Tidak
- S52** Perpaduan ialah prasyarat bagi sesebuah organisasi atau masyarakat untuk memaksimumkan tenaga, usaha, fikiran dan pengeluaran.
- A. Ya
 - B. Tidak
- S53** Pendidik perlu menginsafi bahawa manusia mempunyai harga diri yang berkait rapat dengan maruah, kebanggaan dan kehormatan diri. Kenyataan ini bertepatan dengan perkhidmatan penyayang.
- A. Ya
 - B. Tidak

TERBUKA

- S54** Definisi pengurusan pendidikan ialah proses menggunakan sumber manusia dan bahan dengan berkesan dan cekap untuk mencapai fungsi pengajaran, kerja-kerja penambahan dan penyelidikan.
A. Ya
B. Tidak
- S55** Antara tindakan yang boleh dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia agar perpaduan dalam kalangan pelajar terus terjalin ialah menubuhkan sekolah bestari.
A. Ya
B. Tidak
- S56** Salah satu ciri budaya cemerlang yang perlu ada dalam sesebuah sekolah ialah membantu menangani pelbagai masalah sosial dalam kalangan murid.
A. Ya
B. Tidak
- S57** Peranan jabatan pendidikan negeri adalah seperti berikut kecuali mengelola kokurikulum dan kurikulum sekolah.
A. Ya
B. Tidak
- S58** Peranan Institut Aminuddin Baki (IAB) ialah membina dan membangunkan sistem pentadbiran pendidikan dan disiplin pendidik supaya berjaya menjadi sistem yang maju pada masa akan datang.
A. Ya
B. Tidak
- S59** Institusi TVET swasta membantu kerajaan menyediakan lebih banyak peluang pendidikan dan kejayaan akademik kepada pelajar.
A. Ya
B. Tidak
- S60** Nilai-nilai murni boleh diterapkan melalui tingkah laku pentadbir semasa mengendalikan mesyuarat.
A. Ya
B. Tidak

TERBUKA

BAHAGIAN B

- S61a** Institusi pendidikan awam dan swasta TVET memainkan peranan yang penting dalam usaha untuk melahirkan modal insan berilmu. Dengan menggunakan jadual, senaraikan 5 persamaan dan 5 perbezaan antara kedua-dua institusi pendidikan ini dalam konteks Malaysia.
(10 markah)
- S61b** Sebagai seorang pentadbir di sebuah sekolah menengah teknik di selatan tanah air, bincangkan 5 cara yang sesuai bagaimanakah anda hendak meningkatkan perpaduan dalam kalangan warga sekolah.
(10 markah)
- S62a** Komunikasi merupakan proses menyampaikan mesej daripada seorang individu kepada individu yang lain dengan tujuan untuk berkongsi dan mencari persamaan. Walau bagaimanapun, sering kali berlaku salah faham semasa berlaku komunikasi sama ada secara lisan mahupun bukan lisan. Nyatakan lima 5 halangan dalam komunikasi yang sering terjadi.
(5 markah)
- S62b** Huraikan 5 jenis komunikasi utama dengan jelas berserta dengan contoh yang sesuai.
(15 markah)

-SOALAN TAMAT-

TERBUKA